

Headline	Hari Terbuka FRIM tawar acara menarik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	4	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	260 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,186
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,558



# Hari Terbuka FRIM tawar acara menarik

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan mengadakan pelbagai aktiviti sempena hari terbuka agensi tersebut pada 6 Jun ini.

Hari Terbuka FRIM itu dianjurkan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan ulang tahun FRIM ke-30 bertujuan meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan agensi berkenaan sebagai institusi penyelidikan perhutanan terkemuka dan warisan yang perlu dipelihara.

Menurut Ketua Unit Komunikasi Korporat FRIM, **Norhayati Nordin** program yang dianjurkan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui aktiviti penyelidikan yang dijalankan melalui interaksi terus dengan penyelidik dan staf FRIM dalam makmal, ruang kerja dan pejabat yang kebiasaannya tertutup kepada pengunjung.

"Orang ramai juga berpeluang menyertai aktiviti asas penyelidikan melalui demonstrasi penggunaan peralatan dan panduan cara kerja oleh penyelidik FRIM," katanya.

Pengunjung juga berpeluang melawat Herbarium Kebangsaan di FRIM yang menyimpan koleksi sebanyak 350,000 spesimen tumbuhan dari seluruh negara, menyertai *Star Walk* iaitu aktiviti menjelajah kampus FRIM dengan panduan ahli botani untuk memperkenalkan

spesies-spesies pokok yang penting serta melawat pelbagai makmal bahagian bioteknologi dan hasilan semula jadi.

"FRIM berharap melalui pelbagai aktiviti hari terbuka termasuk permainan dan pertandingan yang melibatkan penyertaan bersama dari kakitangan FRIM

"Cara ini dapat merapatkan warga FRIM dengan masyarakat serta memberi peluang kepada kami untuk berkongsi maklumat terkini mengenai ekopelancongan dan pendidikan alam sekitar" kata Norhayati.

Terdapat pelbagai pameran yang memaparkan koleksi serangga FRIM, tumbuhan herba dan produk herba, jualan produk hutan seperti biji benih, pokok herba serta tumbuhan hiasan, jualan

cendera hati, makanan dan minuman, aktiviti terbuka seperti *face painting* and tarian zumba.

Salah satu daripada tarikan utama ialah demonstrasi memanjang pokok yang akan diadakan di Arboretum FRIM bagi memberi peluang ramai mempelajari kemahiran tersebut.

Antara permainan dan pertandingan yang akan diadakan ialah melukis dan mewarna untuk kanak-kanak, boling hutan, berbasikal perlahan, memburu dalam hutan berbasikal, dam gergasi, kuiz dan *jigsaw puzzle* serta pelbagai hadiah menarik untuk dimenangi.

Kemasukan ke FRIM dan penyertaan aktiviti-aktiviti hari terbuka adalah percuma.

Bagaimanapun pendaftaran awal digalakkan. Mereka yang berminat boleh e-mel kepada [frim\\_openday2015@frim.gov.my](mailto:frim_openday2015@frim.gov.my) untuk pendaftaran dan hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03-62797591 / 7529 untuk sebarang pertanyaan atau bantuan.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai program ini, layari halaman FB *Hari Terbuka FRIM* di: [www.facebook.com/events/1614968165409491/](http://www.facebook.com/events/1614968165409491/).

## Info

**Hari Terbuka FRIM**

**Tarikh:** 6 Jun 2015

**Lokasi:** FRIM, Kepong

**Sempena Hari Terbuka FRIM penyelidik menjalankan demonstrasi seperti berikut:**

- Jom Tengok DNA di Makmal Genetik.
- Biji benih asli vs. buatan iaitu penghasilan bijih benih sintetik serta kaedah krioawetan di Makmal Teknologi Bijih Benih.
- Propagasi menggunakan kaedah kultur tisu di Makmal Tisu Kultur, dan panduan kepada mereka yang berminat untuk mempelajari secara *hands-on*.
- Penggunaan peralatan PICUS untuk menilai kesihatan pokok.
- Penyediaan tanah campuran dan penghasilan pokok melalui teknik keratan di tapak semaihan.

Headline	Hari Terbuka FRIM tawar acara menarik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	4	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	260 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,186
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,558



NORHAYATI NORDIN